

**HUBUNGAN KESAN PSIKOLOGI DAN MASALAH SOSIAL DENGAN  
TEORI *HIFZ AL-NAFS* DALAM FATWA PENAMAAN NASAB ANAK TAK  
SAH TARAF: ANALISIS FATWA KEBANGSAAN  
*THE RELATIONSHIP OF PSYCHOLOGICAL EFFECTS AND SOCIAL  
PROBLEMS WITH HIFZ AL-NAFS THEORY IN THE FATWA ON THE  
NAMED LINEAGE OF ILLEGITIMATE CHILDREN: NATIONAL FATWA  
ANALYSIS***

\*Mustaqim Roslan, M.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

\*Penulis penghubung

Artikel diterima: 11 April 2023

| Selepas Pembedaan: 19 Mei 2023

| Diterima untuk terbit: 29 Mei 2023

**Abstrak**

Pendekatan teori *Hifz al-Nafs* dalam fatwa penamaan nasab anak tak sah taraf (ATST) telah dikenal pasti apabila Fatwa Kebangsaan memutuskan bahawa penamaan nasab ATST kepada Abdullah adalah bertujuan untuk menjaga kesan psikologi dan masalah sosial. Namun begitu, matlamat asal Fatwa Kebangsaan itu didakwa memberikan kesan yang negatif kepada ATST. Oleh yang demikian, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat hubungan kesan psikologi dan masalah sosial dengan teori *Hifz al-Nafs* terhadap fatwa penamaan nasab ATST di Malaysia. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif, manakala strategi kajian pula ialah kajian kes. Kajian ini juga mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan kaedah pengumpulan data adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Setelah data dokumen dan data temu bual diperoleh, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data. Hasil dapatan menunjukkan bahawa teori *Hifz al-Nafs* itu adalah sangat berkait rapat dengan menjaga diri manusia itu daripada masalah-masalah yang membawa kepada kesan psikologi dan masalah sosial. Hal ini bererti, menjaga kesihatan mental juga adalah termasuk dalam teori *Hifz al-Nafs* walaupun pada asalnya ia terkait dengan *Hifz al-'Aqal*, namun sekiranya ia tidak dijaga dengan baik, maka ia akan memberikan kesan yang buruk kepada diri manusia itu. Teori *Hifz al-Nafs* dalam fatwa penamaan nasab ATST itu juga tidak boleh hanya dilihat pada isu penamaan anak itu sahaja, bahkan diri dan sosial masyarakat itu juga perlulah dijaga agar kelahiran ATST itu tidak berleluasa saban hari. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar kajian terhadap kesan psikologi dan masalah sosial terhadap penamaan nasab ATST diperluaskan agar pendekatan teori *Hifz al-Nafs* itu sentiasa seiring dengan matlamat Fatwa Kebangsaan.

**Kata kunci**

Abdullah, Fatwa Kebangsaan, Kesan Psikologi, Masalah Sosial, Penamaan Nasab.

**Abstract**

*When the National Fatwa decided that naming an illegitimate child (Anak Tak Sah Taraf, ATST) to Abdullah was intended to address psychological effects and social problems, the National Fatwa identified Hifz al-Nafs' theoretical approach. However, the National Fatwa's*

*original goal is said to have a negative impact on ATST. As a result, this article is written to examine the relationship between psychological effects and social problems in Malaysia with the Hifz al-Nafs theory on the ATST lineage naming fatwa. This study's philosophy is interpretive, and the research strategy is a case study. This study, too, used a qualitative design and a data collection method that combined document content analysis techniques and semi-structured question interviews. Once the document data and interview data are obtained, the document content analysis method is used again in the data analysis process. The findings show that Hifz al-Nafs' theory is closely related to protecting humans from problems that lead to psychological effects and social problems. This means that, even though it was originally related to Hifz al-'Aqal, taking care of mental health is also included in the theory of Hifz al-Nafs, but if it is not taken care of properly, it will have a negative impact on the human being. The theory of Hifz al-Nafs in the ATST lineage naming fatwa cannot be seen only in terms of naming the child; the self and society of the community must also be considered so that ATST does not become widespread every day. Therefore, this study suggests that the study of psychological effects and social problems on ATST lineage naming be expanded so that Hifz al-Nafs' theoretical approach is always in line with the National Fatwa's goals.*

**Keywords**

*Abdullah, National Fatwa, Psychological Effects, Social Problems, Lineage Naming.*

**1.0 Pendahuluan**

Anak Tak Sah Taraf atau akronimnya dikenali sebagai (ATST) dapat diistilahkan di dalam bahasa Arab sebagai “walad zina” yang membawa maksud “anak zina” dari sudut bahasanya (Hans Wehr 1980). Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan ATST ini tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya dan keputusan ini turut disokong oleh beberapa buah negeri di Malaysia seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang (Muhammad Adam 2020). Menurut keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam membincangkan tentang isu penamaan nasab ATST ini, masalah umum iaitu menutup ruang-ruang zina sepatutnya menjadi perbincangan utama berbanding menutup malu ATST tersebut. Oleh yang demikian, ATST tersebut dibin atau dibintikan kepada Abdullah atau lain-lain nama “Asma’ al-Husna” berpangkalan Abdul bagi mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial yang terkesan kepada diri mereka (JAKIM 2003).

Namun begitu, realiti yang berlaku kepada ATST ini adalah tidak selari dengan objektif dan matlamat asal seperti yang diputuskan dalam fatwa. Hasil tinjauan literatur-literatur lepas menunjukkan terdapat pelbagai kes buruk yang didakwa melibatkan ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah. Sebagai buktinya dalam kes penghakiman Mahkamah Rayuan bagi kes rayuan No. W-01(A)-365-09/2016 terhadap permohonan ATST untuk tidak dinasabkan kepada Abdullah. Menurut mahkamah, menamakan anak luar nikah dengan nama Abdullah dilihat sebagai diskriminasi kepada masa depan dan perasaan kanak-kanak tersebut. Rata-rata masyarakat menyokong keputusan mahkamah rayuan ini dan berpendapat bahawa kanak-kanak yang dibintikan kepada Abdullah sering dipersenda, diejek anak luar nikah dan dipanggil sebagai anak tidak sah. Mereka yang dihina ini akan marah dan harga diri mereka terjejas dan ini secara langsung boleh menyebabkan masalah kemurungan pada anak tersebut. Ada di antara mereka yang tidak mahu lagi ke

sekolah dan mereka yang bijak pandai terpaksa berhenti sekolah akibat dipulau dan diejek kawan-kawan di sekolah (A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara 2017).

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat hubungan kesan psikologi dan masalah sosial dengan teori Hifz al-Nafs terhadap fatwa penamaan nasab ATST di Malaysia. Kajian ini dapat menjelaskan tentang kaitan kesan psikologi dan masalah sosial dengan teori Hifz al-Nafs itu sendiri dalam Maqasid Syariah. Hal ini sekali gus akan memberikan pencerahan tentang hubungan teori Hifz al-Nafs yang dikaitkan dengan kesan psikologi dan masalah sosial itu terhadap fatwa penamaan nasab ATST. Pengkaji meyakini akan setiap fatwa yang dikeluarkan pastinya telah melihat pelbagai aspek ketika itu, namun sejauh manakah teori Hifz al-Nafs itu diaplikasikan dalam fatwa penamaan nasab ATST di Malaysia memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah hubungan kesan psikologi dan masalah sosial dengan teori Hifz al-Nafs terhadap fatwa penamaan nasab ATST di Malaysia?

## 2.0 Sorotan Kajian

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop ATST bagi memperkukuhkan lagi perbincangan kajian ini. Pertamanya, pengkaji mulakan dengan satu kertas kerja oleh Abd Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md Dahlan (2017) berjudul **“Pusat Jagaan Anak Luar Nikah di Malaysia: Realiti, Isu dan Prospek”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa tindakan mencampur adukkan anak luar nikah dengan kanak-kanak yang lain di penempatan yang sama di Rumah Kanak-kanak (RKK) dan Rumah Budak Lelaki (RBL) boleh mengundang masalah salah laku dan disiplin sesama mereka. Seterusnya adalah kertas kerja persidangan oleh Zanariah noor (2018) yang bertajuk **“Status dan Hak Anak Tak Sah Islam dalam Undang-Undang di Malaysia”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa undang-undang keluarga Islam melindungi hak ATST daripada segi identiti diri (nasab), hadanah, nafkah dan perwalian perkahwinan.

Kajian dalam kertas kerja persidangan oleh Muhammad Aunurrochim Mas'ad & Mohamad Zakwan Nafis Mohamed Zamri (2018) turut disoroti dengan tajuknya **“Status Anak Luar Nikah: Satu Kajian ke atas Hak Harta Pusaka mengikut Fiqh Islam dan Undang-Undang Syarak Wilayah Persekutuan”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa ATST tidak boleh dinasabkan kepada bapanya dan tidak juga menerima sebarang harta daripada bapanya, akan tetapi dia masih boleh menerima harta pusaka daripada ibunya. Adapun yang terakhirnya ialah kajian Annisa Najiyah (2017) dalam kertas kerjanya berjudul **“Hak Waris Bagi Anak Zina”** yang turut disoroti dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa anak zina tidak memiliki nasab melalui garis ayah biologinya kerana anak zina secara mutlak nasabnya terputus melalui garis ayah. Adapun nasabnya hanya dapat disambung melalui garis ibunya. Jika melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun isu ATST itu dibahaskan dalam perbincangan artikel tersebut, namun isu hubungan kesan psikologi dan masalah sosial terhadap fatwa penamaan nasab ATST kepada Abdullah secara khusus tidaklah diperincikan secara berfokus. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk melihat isu perbincangan yang diutarakan dengan lebih tuntas.

### 3.0 Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga kaedah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim 2016). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Strategi kajian pula ialah kajian kes. Manakala kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data.

Selain daripada itu juga, kajian ini mengadaptasikan persampelan bertujuan atau purposive sampling yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Babbie (2002), persampelan bertujuan adalah pemilihan peserta kajian berdasarkan pertimbangan penyelidik untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan tujuan kajian. Oleh yang demikian, pakar agama yang merupakan seorang mufti dijadikan sampel utama dalam kajian ini. Sampel ini adalah penting untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan hubungan kesan psikologi dan masalah sosial dengan teori Hifz al-Nafs terhadap fatwa penamaan nasab ATST di Malaysia. Memandangkan hanya terdapat lima buah negeri sahaja di Malaysia yang telah mewartakan fatwa penamaan nasab ATST kepada Abdullah, maka kajian ini mensasarkan seorang wakil sahaja dalam kalangan mereka untuk memberikan maklumat yang berkaitan. Oleh yang demikian, kajian ini memilih mufti daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memandangkan mereka antara yang terawal telah mewartakan keputusan fatwa berkaitan ATST ini sekitar tahun 2001 (Jabatan Perdana Menteri 2012).

### 4.0 Konsep Kesan Psikologi Dan Masalah Sosial

Kesan psikologi dan masalah sosial merupakan dua patah perkataan yang mempunyai maksud tersendiri. Perkataan “kesan psikologi” adalah gabungan daripada dua patah perkataan iaitu “kesan” dan “psikologi” yang mana keduanya membawa maksud yang berbeza. Perkataan kesan menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) membawa banyak maksud antaranya ialah merujuk kepada tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu atau bekas. Selain itu juga, kesan membawa erti sesuatu kebaikan atau keburukan yang timbul daripada sesuatu kejadian, keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain. Manakala istilah psikologi pula menurut William James (1890) ialah merujuk kepada sains kehidupan mental yang menekankan kepentingan unsur-unsur subjektif yang tidak dapat didaftar oleh sistem deria manusia.

Harus juga diketahui bahawa perkataan psikologi berasal daripada perkataan Greek iaitu psyche dan logos. Adapun psyche membawa erti jiwa, rohani atau mental dan logos pula bermaksud kajian (Azura Bahadin 2019). Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa kesan psikologi ialah sesuatu tanda baik mahupun buruk yang berkaitan dengan jiwa, rohani dan mental manusia khususnya kepada anak-anak tak sah taraf yang menjadi perbincangan dalam kajian ini. Takrifan ini dapat disokong oleh Andy Tyerman (2003) dalam bukunya "Psychological Effects of Brain Injury" yang mana beliau menghuraikan kesan psikologi itu ialah merujuk kepada kesan kognitif, tingkah laku dan emosi serta kesan keluarga, pekerjaan dan sosial yang berkaitan dengan kecederaan otak.

Begitu juga dengan perkataan "masalah sosial" yang mana ia turut merupakan gabungan daripada dua patah perkataan iaitu "masalah" dan "sosial". Kedua-dua perkataan ini juga turut membawa maksud yang berbeza. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), perkataan masalah ialah sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran. Manakala perkataan sosial pula membawa maksud segala yang berkaitan dengan masyarakat. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa masalah sosial membawa erti sesuatu perkara, keadaan atau kesukaran yang berlaku dalam masyarakat khususnya kepada anak-anak tak sah taraf ini hasil daripada interaksi mereka dengan anggota masyarakat. Takrifan ini disokong oleh Rehana Dzulaicha Jhon (2019) yang mana beliau turut mentakrifkan masalah sosial itu sebagai suatu ketidaksesuaian antara unsur-unsur kebudayaan atau masyarakat, yang membahayakan kehidupan kelompok sosial sehingga menyebabkan kepincangan ikatan sosial dalam warga kelompok sosial itu sendiri.

## **5.0 Teori *Hifz Al-Nafs* Dalam Maqasid Syariah**

Secara etimologi perkataan *Hifz al-Nafs* adalah dua istilah bahasa Arab yang digabungkan dan membawa maksud menjaga nyawa. Perkataan *hifz* bererti menjaga dan perkataan *al-nafs* pula bermaksud roh (nyawa), jasad, darah, saudara dan di sisi (Ibnu Manzur 2012). Jika merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), istilah menjaga merujuk pelbagai maksud seperti menjaga dalam keadaan tidur, mengawal dan mengawasi agar sesuatu tidak hilang, memelihara dan sebagainya. Manakala nyawa pula adalah merujuk pelbagai maksud seperti roh yang menghidupkan manusia, jiwa dan lain-lain. Selain itu, ia juga membawa maksud batin iaitu merujuk kepada perasaan, fikiran, cita-cita dan lain-lain yang terkandung dalam hati manusia.

Sementara secara terminologi pula, terdapat pelbagai pendapat yang berbeza dalam kalangan ahli ilmu ketika menterjemahkan konsep *Hifz al-Nafs* ini. Dalam membuat analisis terhadap konsep *Hifz al-Nafs* ini, kajian ini telah membuat sorotan kepada takrifan konsep ini daripada pelbagai literatur. Antaranya al-Juwayni (2003) dalam menghuraikan pandangan Imam Syafii terhadap konsep *Hifz al-Nafs* itu sebagai menjaga nyawa dengan diperundangan hukuman qisas adalah untuk menjaga nyawa daripada hilang, menjaga keselamatan diri daripada dicabuli, menggerunkan orang yang bercita-cita untuk melakukan jenayah bunuh atau cedera, menghalang orang yang pernah melakukannya agar tidak mengulanginya. Hal ini adalah hikmah umum dan maslahat jelas yang dipelihara oleh syarak.

Manakala konsep Hifz al-Nafs ini sedikit berbeza pula dengan pandangan al-Ghazali (2000) kerana beliau menghuraikan konsep ini berdasarkan tiga pendekatan iaitu tazkiyat al-nafs, mujahadat al-nafs dan riyadat al-nafs. Tazkiyat al-nafs merupakan proses penyucian jiwa daripada perkara yang keji dan kotor hasil daripada perbuatan yang jahat. Adapun mujahadat al-nafs ialah kesungguhan melawan nafsu dan menghapuskannya, manakala riyadat al-nafs ialah selepas proses menyucikan diri, manusia hendaklah bermujahadah daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang olehnya menerusi latihan jiwa. Hal ini bermaksud, konsep Hifz al-Nafs itu adalah dengan menyucikan jiwa, melawan nafsu dan berlatih untuk tidak melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan jiwa. Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman dengan maksudnya:

“Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang reda dan diredei”.

(Q.S. Al-Fajr: 89: 27-28)

Merujuk kepada ayat di atas, al-Maraghi (2001) menjelaskan bahawa jiwa yang tenang itu adalah merujuk kepada ketenangan jiwa setelah adanya goncangan. Adapun al-Suyuti (1990) mentafsirkan sebagai jiwa yang beriman. Menurut beliau lagi bahawa, jiwa yang tenang itu akan sentiasa berasa puas dan diredei. Kedudukan kedua-dua perkataan ini menjadikan kata keterangan kepada keadaan mereka yang dibangkitkan pada hari kiamat kelak. Hal ini disokong oleh Fakhr al-Din al-Razi (1985) dalam kitabnya Tafsir al-Kabir yang menjelaskan bahawa hati manusia itu hanya satu, namun sifatnya banyak dan bermacam-macam. Apabila hati manusia itu lebih condong ke arah nilai-nilai ketuhanan atau kebaikan, maka ia dinamakan sebagai al-nafs al-mutma'innat iaitu jiwa yang tenang dan tenteram. Adapun sekiranya hati manusia itu lebih condong kepada hawa nafsu dan amarah, maka ia dinamakan ammarat bi al-su'i iaitu hati yang dipenuhi dengan kejahatan. Oleh yang demikian, al-nafs al-mutma'innat iaitu jiwa yang tenang dengan zikir dan taat kepada Allah SWT, sehingga damai pada dunia serta jiwa yang telah menyerah penuh dan tawakal kepada Tuhannya (Sanar 2013).

Daripada takrifan-takrifan yang telah dinyatakan di atas, kajian ini berpandangan bahawa penjelasan tentang konsep Hifz al-Nafs itu begitu luas dihuraikan oleh para ilmuan dalam literatur mereka adalah disebabkan terma Hifz al-Nafs itu sendiri tidak dijelaskan secara qat'i di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Menurut Abu Rayya (2012), terma al-nafs dan kata jamaknya al-anfus muncul sebanyak 266 kali di dalam al-Quran, namun ia adalah bersifat umum dan tidaklah merujuk kepada istilah Hifz al-Nafs itu sendiri. Atas sebab itu para ilmuan menghuraikan konsep Hifz al-Nafs itu berpandukan kepada keilmuan mereka kepada satu-satu bidang. Sekiranya mereka adalah berlatar belakangkan Fiqh & Usul, maka mereka menterjemahkan konsep Hifz al-Nafs itu dengan menjaga nyawa agar ia selari dengan keilmuan Fiqh dan Maqasid Syari'at. Adapun sekiranya mereka adalah berlatar belakangnya tasawuf, maka mereka menghuraikan konsep Hifz al-Nafs itu dari sudut kerohaniannya seperti menjaga jiwa, hawa nafsu, roh, hati, syahwat dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, dapatlah difahami bahawa konsep Hifz al-Nafs itu tidaklah hanya dimaksudkan dengan menjaga nyawa sahaja. Hal ini adalah kerana terdapat pelbagai dalil yang membuktikan bahawa Hifz al-Nafs itu bukanlah merujuk kepada menjaga nyawa sahaja, bahkan ia juga merujuk kepada huraian yang pelbagai daripada dimensi yang berbeza. Oleh yang demikian, takrifan Hifz al-Nafs itu

perluah diterjemahkan kepada dua aspek yang meluas iaitu daripada dimensi jasmani (menjaga diri) dan dimensi rohani (menjaga jiwa). Konsep *Hifz al-Nafs* daripada dimensi jasmani adalah unsur tangible iaitu yang boleh dilihat dan disentuh oleh deria. Manakala konsep *Hifz al-Nafs* daripada dimensi rohani adalah unsur ma'nawi, iaitu sebaliknya tidak boleh dilihat dan disentuh oleh deria (Dardaa Mohammad 2017). Jasmani termasuklah kepala, tangan, kaki, otak, jantung, perut dan sebagainya. Rohani pula adalah jiwa, nyawa, hati, emosi, perasaan, nafsu dan sebagainya (Abdul Majid 2014). Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa konsep *Hifz al-Nafs* itu ialah:

“Suatu tuntutan menjaga nyawa, menjaga diri dan menjaga jiwa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan rasul-Nya di dalam al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyat daripada dua dimensi utama yang meliputi dimensi jasmani dan dimensi rohani”.

#### 5.1 Hubungan Kesan Psikologi Dan Masalah Sosial Dengan Teori *Hifz Al-Nafs* Dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf Kepada Abdullah

Perbincangan kajian berkaitan kesan psikologi dan masalah sosial yang dihadapi oleh ATST turut diperincikan dari sudut pandang pakar agama iaitu Mufti Wilayah Persekutuan. Fatwa Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur adalah sependapat dengan Majlis Fatwa Kebangsaan dan turut menjadikannya sebagai Akta Undang-undang Keluarga Islam dalam penamaan nasab ATST kepada Abdullah. Pandangan pakar agama adalah penting untuk mengukuhkan pandangan asal fatwa terhadap penamaan nasab ATST dan seterusnya mendapatkan penjelasan berkaitan dengan hubungan kesan psikologi dan masalah sosial dengan teori *Hifz al-Nafs*.

Bagi memperincikan perbincangan ini, kajian ini telah mengetengahkan penjelasannya kepada beberapa topik:

1. Pengesahan fatwa penamaan nasab ATST demi mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial.
2. Pengesahan fatwa untuk mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial turut menjaga maqasid *Hifz al-Nafs*.
3. Hubungan kesan psikologi dan masalah sosial dengan teori *Hifz al-Nafs* dalam penamaan nasab ATST kepada Abdullah.

##### 5.1.1. Pengesahan fatwa penamaan nasab ATST demi mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial

Merujuk kepada klausa Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2003 terhadap fatwa penamaan nasab ATST kepada Abdullah:

“Seseorang ATST atau anak luar nikah tidak wajar dibin atau dibintikan kepada ibu anak tersebut kerana ini mungkin boleh menimbulkan masalah sosial dan kesan psikologi kepada anak-anak itu. Oleh yang demikian, anak tersebut dibin atau dibintikan kepada Abdullah atau lain-lain nama Asma' al-Husna berpangkalan Abdul (JAKIM 2003).

SS mufti telah mengesahkan bahawa maksud kesan psikologi dan masalah sosial dalam klausa tersebut adalah seperti yang termaktub iaitu bertujuan untuk mengelakkan ATST itu dinamakan kepada ibunya. Hal ini kerana, penamaan nasab ATST yang dinamakan dengan nama perempuan akan menimbulkan masalah dan tidak sesuai diamalkan di Malaysia. Ia akan menimbulkan rasa pelik dalam kalangan masyarakat apabila kebiasaan anak-anak dinamakan kepada bapa itu ditukarkan kepada nama ibu. Oleh yang demikian, beliau mengakui akan perbincangan fatwa pada ketika itu walaupun beliau tidak terlibat secara langsung memandangkan perbincangan fatwa tersebut adalah hampir 25 tahun yang lepas. Tambahan lagi, beliau turut berpandangan bahawa asas fatwa penamaan nasab ATST kepada Abdullah telah mengambil perkiraan yang tepat pada ketika itu. Menurut In4:

“Sebab kalau kita tengok kepada fatwa ini dari segi hukumlah kan. Ia memang ATST ini sama ada dibinti, dibinkan kepada ibu atau kepada Abdullah, contoh kepada nama-nama Allahlah jadi apa semuanya itu keputusan dari sudut memilih pandangan mana yang sesuai dilaksanakan di negara kita. Jadi untuk kita namakan kepada nama ibu agak tak sesuai sebab nama orang perempuan jadi dibinkan kepada nama Abdullah. Cuma dari segi nak binkan mereka kepada ibu tu memang boleh la dari segi fiqh kita pun” (In4(1)I-22/6/22(2977-2980)

Tambah beliau lagi:

“Bila dia bin kepada ibu dan dia binkan kepada Abdullah itu kerana nak tengok dari sudut supaya tak menimbulkan gangguan dari sudut pandangan orang ramailah. “Kenapa dia bin kepada emak?” jadi bila dibin kepada Abdullah itu, itu biasalah orang lain mungkin kepada ayah kan, nama lelaki dekat situ. Jadi kalau nama bin kepada orang perempuan, orang perempuan mungkin menimbulkan masalah kepada anak berkenaan, tanya kenapa bin binti dia kan” (In4(1)I-22/6/22(2986-2990). “Mungkin betul lah pandangannya itu. Keputusan itu berasaskan kepada pengiraan yang tepatlah. Tukar kepada nama Abdullah bukan pada nama ibu” (In4(1)I-22/6/22(2986-2990).

Oleh yang demikian, dapatlah difahami daripada pengesahan fatwa yang telah diperakui oleh SS mufti bahawa terdapat maslahat yang ingin dijaga dalam fatwa penamaan nasab ATST dengan meletakkan nama lelaki iaitu Abdullah menggantikan nama ibu biologinya. Maslahat ini dijaga adalah untuk menutup aib dan bagi mengelakkan rasa pelik orang ramai terhadap penamaan nasab ATST sepertimana yang telah diperjelaskan oleh SS mufti. Hal ini membuktikan bahawa, maslahat yang ingin dijaga oleh fatwa ini bukanlah termasuk dalam maslahat yang sia-sia atau disebut sebagai maslahat mulghot yang tidak ada asasnya. Hal ini kerana, pendekatan fatwa ketika itu juga demi untuk menjaga kesan psikologi dan masalah sosial yang dihadapi oleh ATST apabila mereka tidak dinamakan dengan nama ibu mereka. Oleh kerana itulah penamaan nasab ATST dicadangkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan ketika itu untuk menamakan nasab ATST dengan nama lelaki iaitu Abdullah.

### 5.1.2. Pengesahan fatwa untuk mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial turut menjaga maqasid *hifz al-nafs*

Selain daripada itu juga, SS mufti turut memperakui bahawa klausa yang terdapat di dalam fatwa tersebut iaitu berkaitan dengan menjaga psikologi dan masalah sosial ATST itu turut menjaga salah satu dimensi dalam Maqasid Syari'at iaitu Hifz al-Nafs. Menurut In4:

"Ya lah. Apa-apa perkara yang melibatkan kita menjaga akal tu sama macam kita menjaga al-Nafs. Kita menjaga akal iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan dalaman, dalaman manusia ya. Jadi psikologi apa semua itu termasuk juga dalam menjaga akal. Jadi Hifz al-Nafs juga sama, dia juga mungkin ada kaitan menjaga nyawa sebab orang marah dia boleh pergi ke bunuh diri kan tak sedar dan sebagainya. Jadi apa-apa yang ada kaitan dengan yang boleh menjaga manusia daripada mencederakan dirinya dan juga kalau yang musibah mencederakan dirinya, maka dia kita panggil Hifz al-Nafs" (In4(1)|I-22/6/22(3023-3028).

Oleh yang demikian, selain daripada Hifz al-Nafs, penjagaan akal iaitu Hifz al-'Aql dalam Maqasid Syari'at itu juga turut bersangkutan paut dengan Hifz al-Nafs apabila membicarakan tentang kesan psikologi. Hal ini kerana, kesan psikologi itu sendiri adalah berkaitan dengan akal dan roh manusia, sekiranya ia tidak dijaga dengan baik, maka ia membawa kesan yang buruk kepada diri manusia itu. SS mufti turut membawa perumpamaan tentang pengharaman meminum arak yang boleh merosakkan akal manusia dan seterusnya meragut nyawa mereka. Selain itu juga, beliau menambah bahawa masalah sosial yang sudah pastinya membawa kesan kepada diri manusia itu juga turut termasuk dalam pengabaian Hifz al-Nafs. Oleh yang demikian, setiap perkara yang mengundang kepada kesan psikologi dan masalah sosial adalah tidak selari dengan konsep Hifz al-Nafs dalam Maqasid Syari'at itu sendiri. Menurut In4:

"Psikologi itu bersangkutan dengan akal, maka kita katakan itu Hifz al-'Aql. Boleh jadi ada kaitannya untuk menjaga diri iaitu Hifz al-Nafs dan ada kaitannya dengan akal. Kalau yang musibah macam disebutkan psikologi dan sebagainya, itu lebih kepada akal. Ia lebih kepada diri manusia ini benda bersifat fizikal. Maknanya kesihatan dan sebagainya itu yang bukan fizikal dan yang berkait dengan dalaman makanya berkait dengan akal itu. Jadi penjagaan akal dilarang minum arak, dilarang membuat perkara yang boleh memabukkan, benda-benda yang boleh menjadikan dia gila" (In4(1)|I-22/6/22(3028-3032). "Hifz al-Nafs tapi asalnya dia Hifz al-'Aql dan dia bawa ke sana. Akal manusia ini kalau tak dicontrol dia akan gila. Dia bawak pada mencederakan diri dia. Bila bawak sakit mencederakan diri termasuk dalam Hifz al-Nafs ni" (In4(1)|I-22/6/22(3045-3046).

Pandangan beliau ini menyokong bahawa pendekatan Hifz al-Nafs itu tidak boleh sama sekali hanya dikecilkan maksudnya kepada menjaga nyawa sahaja, bahkan Hifz al-Nafs itu juga membawa maksud menjaga diri dan jiwa manusia itu sendiri. SS mufti turut membawa contoh dalam hal menjaga kesihatan yang mana sekiranya seseorang muslim itu tidak menjaga kesihatan dengan baik, maka itu tidak selari dengan konsep Hifz al-Nafs kerana diri manusia itu tidak dijaga dengan baik dan berkemungkinan membawa kepada kehilangan nyawa. Atas dasar itu juga, pensyariat hukum Islam dalam hukuman qisas dan diyat adalah demi untuk

menjaga diri dan nyawa seseorang muslim agar umat Islam itu tidak saling mencederai antara satu sama lain. Menurut In4:

“Hifz al-Nafs itu termasuk menjaga nyawa. Kalau kita tengok balik kepada al-Syatibi pun, Hifz al-Nafs maknanya kita katalah kan err pensyariatan hukum qisas, menjaga nyawa. Sama juga pensyariatan tentang macam kita kata penjagaan kesihatan. Itu penjagaan nyawalah. Jadi semua itu menuntut kepada menjaga al-nafs (menjaga diri). Menjaga daripada hukum tu, menjaga nyawa qisas supaya tidak dibunuh. Hukum diyat ha itu termasuk sebab menjaga Hifz al-Nafs. Hukum qisas termasuk kepada menjaga al-nafs. Jadi kalau disebut tadi menjaga nyawa, menjaga badan sama sahaja iaitu Hifz al-Nafs semua” (In4(1)I-22/6/22(3009-3014).

Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa klausa fatwa penamaan nasab ATST itu bagi mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial mempunyai asas yang kukuh iaitu Hifz al-Nafs. Hal ini diperakui sendiri oleh SS mufti walaupun beliau turut mengaitkannya dengan Hifz al-‘Aql yang turut bersangkutan dengan masalah psikologi dan seterusnya akan membawa kepada kecederaan diri manusia itu. Namun begitu, asasnya tetap ada dengan sandaran dalil yang kukuh daripada al-Quran dan al-Sunnah yang mewajibkan seseorang itu untuk menjaga nyawa, diri dan jiwa daripada kebinasaan. Oleh itu, asas untuk menjaga kemaslahatan ATST ini dengan menamakan nasab mereka kepada nama lelaki iaitu Abdullah adalah kukuh dan ia tidak termasuk dalam maslahat mulghot yang tidak ada asasnya.

### **5.1.3. Hubungan kesan psikologi dan masalah sosial dengan teori hifz al-nafs dalam fatwa penamaan nasab ATST kepada abduallah**

Daripada penjelasan dan huraian yang diberikan oleh SS mufti jelas menunjukkan bahawa matlamat asal dalam fatwa penamaan nasab ATST kepada Abdullah itu adalah selari dengan teori Hifz al-Nafs. Hal ini kerana, menjaga diri dan menjaga jiwa daripada terkesan dengan masalah psikologi dan masalah sosial adalah termasuk dalam Hifz al-Nafs itu sendiri walaupun asalnya ia bersangkutan dengan Hifz al-‘Aql. Ia sekali gus membuktikan bahawa teori Hifz al-Nafs yang telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan memasukkan dua variable dalam pendekatan Hifz al-Nafs itu adalah sesuai, tidak dinafikan dan sifar daripada pembantahan. Oleh yang demikian, teori Hifz al-Nafs itu disahkan oleh SS mufti bahawa turut menjaga diri daripada dimensi jasmani iaitu mengelakkan masalah sosial yang berlaku dan turut menjaga jiwa daripada dimensi rohani iaitu mengelakkan kesan psikologi yang berlaku ke atas ATST.

Namun begitu, realiti yang berlaku pada hari ini adalah sebaliknya apabila dapatan menunjukkan bahawa ATST ini mengalami kesan psikologi dan masalah sosial pada diri mereka. Hal ini bererti, penamaan nasab ATST kepada Abdullah itu tidak selari dengan teori Hifz al-Nafs ke atas anak-anak ini. SS mufti turut mengakui bahawa penamaan nasab ATST kepada Abdullah itu hanyalah hal ijtihad untuk mengelakkan masalah yang berlaku apabila anak-anak itu dinamakan kepada nama perempuan iaitu ibunya. Tambahan lagi, tidak ada dalil yang qat'i mahupun jelas bagi memperkukuhkan hujah bahawa ATST itu wajar dinamakan kepada Abdullah. Hal ini kerana, SS mufti hanya mendatangkan dalil yang jelas menunjukkan bahawa ATST itu tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya sahaja dan tidak pula mendatangkan dalil yang jelas tentang penamaan nasab ATST kepada Abdullah

bagi menggantikan nama ibu untuk mengelakkan masalah yang berlaku. Menurut In4:

“Dari segi ATST ni dia perlu dinisbahkan kepada ayah atau kepada ibu baru kita beri kepada Abdullah atau kepada ibu. Dia boleh nisbahkan dua-dua. Jadi cuma pilihan dibuat oleh jawatankuasa fatwa masa itu dia mungkin untuk dibinkan kepada Abdullah haa begitu. Itu yang berlaku. Jadi dia pilih pada Abdullah berbanding dengan nama ibu. Lebih baik nama Abdullah. Itu kebaikan anak itu sebab orang tak biasa dengar anak ini dibinkan kepada mak dengan bin pada ayah. Nama itu sesuai berbanding dengan nama ibu. Baik dibinkan dengan nama Abdullah. Itulah asasnya kalau itu dua-dua tu boleh untuk ATST ni. Haa macam tu” (In4(1)I-22/6/22(3053-3057).

Tambah beliau lagi:

“Dia nak binkan pada ayah ni mestilah anak itu anak yang sah. Jadi bila anak tidak sah pada yang lelaki tu pada yang ayah zina dia tu, maka itu pindah kepada nama Abdullah. Nama-nama Allah SWT haa macam tu. Sebab tak boleh nak binkan dia kepada orang yang bukan ayah dia. Haaa macam tulah” (In4(1)I-22/6/22(3061-3063). “Haa dia tukar daripada tak guna nama ibu tapi guna nama Abdullah macam tu. Dua-dua tu boleh digunakan cuma fatwa memilih untuk gunakan nama Abdullah. Haa begitu” (In4(1)I-22/6/22(3067-3068).

Namun begitu, SS mufti juga turut menekankan bahawa teori *Hiifz al-Nafs* itu tidak boleh dilihat pada satu sudut sahaja iaitu isu penamaan, bahkan perlulah dilihat pada sudut yang lebih luas dengan melibatkan sistem sosial dan sistem kemasyarakatan itu sendiri. Beliau berpandangan bahawa penamaan nasab ATST kepada Abdullah itu bukanlah menjadi faktor utama kepada berlakunya kesan psikologi dan masalah sosial yang dihadapi oleh mereka. Bahkan mungkin terdapat faktor-faktor lain yang memungkinkan anak-anak itu terkesan dengan masalah sedemikian. SS mufti turut membawa perumpamaan tentang pencerai yang berlaku di antara pasangan suami isteri dalam keadaan anak mereka yang masih kecil. Sekiranya ibu tersebut berkahwin baharu dengan lelaki yang lain, anak tersebut turut terkesan dengan kesan psikologi dan masalah sosial apabila mendapati nama ayahnya tidak sama dengan nama ayah kandungnya. Menurut In4:

“Ayah dia kahwin dan bercerai. Mak dia bercerai dengan ayahnya yang dulu. Jadi dia besar ada yang umur dua hari, mak dia bercerai. Nama dia Abdullah bin contoh nama ayah dia. Dia membesar dengan ayah dia nama dia Abdul Karim contoh. Jadi orang akan juga pertikaikan kenapa guna nama ayah dah cerai dulu. Kalau tak kenapa nama ayah dia sekarang nama Abdul Karim. Cakap bukan anak dia. Jadi kesan psikologi ini selalu dia berkait dengan kalau kita nak tukar apa yang boleh proof kan bahawa kesan psikologi itu tak berlaku kepada pertukaran nama itu. Dia soal psikologi ini dia bukan satu faktor, dia banyak faktor. Ada orang yang dibesarkan di dalam ayah yang sah. Ibu yang sah. Dia boleh tertekan dari sudut lain. Psikologi jugak. Jadi kenapa kita nak khususkan kesan psikologi ini hanya pada bin itu sahaja” (In4(1)I-22/6/22(3083-3089).

Pandangan ini agak sedikit mengelirukan apabila SS mufti cuba beranalogi dengan menyamakan kesan psikologi yang dihadapi oleh anak tiri dengan ATST. Pada hakikatnya anak tiri adalah anak yang sah taraf dan mana mungkin kesan psikologi

itu wajar diselarikan dengan ATST daripada hasil perzinaan. Tambahan lagi, stigma masyarakat terhadap anak tiri tidaklah begitu ketara jika dibandingkan dengan ATST. Hal ini disebabkan tidak ada satu pun ketetapan bagi semua anak tiri itu mestilah dinamakan dengan nama yang khusus seperti Abdullah kerana mereka adalah anak yang sah pada hakikatnya. Sudah pastinya kesan psikologi yang dihadapi oleh anak tiri tidaklah begitu ketara akibat masyarakat telah maklum akan sebab musababnya. Barangkali anak tiri itu adalah disebabkan penceraian mahupun kematian yang berlaku pada ibu atau bapa mereka. Adapun ATST pula telah dikhususkan penamaan mereka kepada Abdullah dan atas sebab penamaan yang khusus inilah menjadikan mereka terkesan dengan psikologi dan masalah sosial. Hal ini menimbulkan stigma dan kekeliruan masyarakat kepada penamaan Abdullah itu sendiri.

Selain daripada itu juga, SS mufti turut menyarankan bahawa apa yang perlu difikirkan ialah bagaimana cara untuk menjaga ATST itu dalam proses kehidupan anak-anak itu membesar. Ia perlu diasuh dengan baik dan dimaklumkan kepada mereka lebih awal agar kesan psikologi dan masalah sosial itu tidak berlaku dengan lebih parah. Tambahan lagi, beliau berpandangan bahawa menjaga diri dan sosial masyarakat itu juga perlu difikirkan kerana ia juga termasuk dalam teori Hifz al-Nafs. Adalah tidak wajar apabila teori Hifz al-Nafs itu hanya diskopkan pada penamaan nasab ATST sahaja dan mengabaikan diri masyarakat secara umumnya. Sekiranya diri masyarakat itu tidak terjaga, maka akan lebih berleluasalah kes-kes zina dan kelahiran ATST ini. Tambahan lagi, sosial masyarakat itu juga perlulah dipelihara agar tidak memberikan kesan psikologi dan masalah sosial kepada ATST ini. Menurut In4:

“Jadi psikologi itu bukan hanya bergantung pada bin itu sahaja tapi bergantung pada cara untuk besarkan anak itu. Jadi kita perlu uruskan hal ini iaitu beri pendidikan dalam pembesaran anak itu bukan tukar binnya kerana itu tak boleh tukar dan cukup bahaya kepada masyarakat. Lagi bahaya. Jadi Hifz al-Nafs itu perlu dilihat dalam kelompok dan ruang lingkup yang lebih besar bukan semata-mata kepada seorang individu pada anak itu, perlu dilihat gelagat masyarakat keseluruhannya. Jadi masyarakat itu terbina daripada Hifz al-Nafs. Setiap individu yang ada dalam masyarakat itu. Kalau kita jaga sorang, akan runtuh masyarakat. Itu bertentangan dengan matlamat Hifz al-Nafs” (In4(1)I-22/6/22(3093-3098). “Jadi ini soal Hifz al-Nafs perlu dilihat maslahat yang lebih besar” (In4(1)I-22/6/22(3101).

Selain daripada itu juga, SS mufti juga turut mengingatkan bahawa kewajipan umat Islam untuk menjaga nasab keturunan yang bersih lagi suci dengan tidak menasabkan kepada bapa biologi. Memandangkan skop perbincangan kajian ini hanya berlegar di sekitar fatwa penamaan nasab ATST kepada Abdullah, maka kajian ini sentiasa bersama dalam menyokong pandangan SS mufti dalam hal ini. Beliau menyebut bahawa:

“Soal kita binkan anak itu kepada ayah biologi yang berzina itu, kita binkan kepada Abdullah sebab kita nak jaga nasab. Kita maksudkan nasab itu saya cakap tadi nasab yang asal nasab yang sah, bersih. Jadi kalau kita tukar anak tadi bin kepada ayah biologinya itu, kita telah membuka satu ruang ke arah yang sangat bermasalah di masa hadapan. Jadi kita nak jaga masyarakat ramai, iaitu yang asas sekali menjaga nasab itu. Jadi orang Islam semua yang majoritinya ni adalah kita nak jaga mereka ini daripada bercampur nasabnya itu, daripada nasab yang tidak

sah. Itu yang lebih aila kita jaga berbanding kita nak jaga anak yang sorang tadi. Yang kita perlu tukar bin kepada bapa biologi. Bila kita binikan kepada bapa biologi, kita telah mengiktiraf anak yang tak sah tadi. Bapa yang tak sah sebagai seorang yang sah yang ketika itu akan berlakulah kekacauan sosial yang lebih dahsyat dalam masyarakat apabila kita lagi mengiktiraf nasab dan kita meminggirkan maslahat ammat tadi. Haa begitu maksud apa nama ni kaedah itulah ( تقديم المصلحة العامة على الخاصة ) (In4(1)I-22/6/22(3145-3153).

Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa fatwa penamaan nasab ATST kepada Abdullah mempunyai hubungan rapat dengan teori Hifz al-Nafs iaitu termasuk dalam mengelakkan kesan psikologi (menjaga jiwa daripada dimensi rohani) dan masalah sosial (menjaga diri daripada dimensi jasmani) ATST. Hal ini kerana, pendekatan asal fatwa untuk tidak menamakan kepada ibu biologinya hanyalah hal ijtihad demi menjaga maslahat anak tersebut agar tidak menimbulkan masalah hanya semata-mata dinamakan kepada nama perempuan. Dakwaan yang mengatakan bahawa isu penamaan nasab ATST demi menjaga kesan psikologi dan masalah sosial itu merupakan maslahat mulghot adalah wajar dipertikaikan. Hal ini kerana, matlamat asal fatwa juga turut menerapkan teori Hifz al-Nafs bagi menjaga keharmonian dalam kehidupan ATST. Oleh sebab itulah nama lelaki iaitu Abdullah digunakan dalam fatwa ketika itu.

Namun, apabila nama Abdullah itu diangkat menggantikan nama ibunya, ia tetap memberikan kesan yang negatif kepada ATST. Hal ini berkemungkinan bahawa penamaan Abdullah yang dipilih menggantikan nama ibu ketika itu tidak dilakukan kajian terlebih dahulu dengan mengambil pandangan daripada pakar-pakar klinikal seperti pakar psikologi, pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja dan lain-lain. Hal ini penting kerana, fatwa yang dikeluarkan mestilah meraikan maslahat umum dan ia memerlukan suara-suara pakar daripada pelbagai bidang. Selain itu juga, sistem sosial masyarakat perlulah dijaga kerana ia turut termasuk dalam teori Hifz al-Nafs selain daripada isu penamaan yang dibincangkan dalam kajian ini. Tuntasnya, selain daripada isu penamaan nasab ATST kepada Abdullah itu wajar dilihat dan dimurnikan kembali, diri dan sosial masyarakat itu juga perlulah dipelihara agar selari dengan teori Hifz al-Nafs. Hal ini bertujuan agar maslahat umum dan maslahat khusus itu saling dijaga agar kedua-duanya dipelihara tanpa mengabaikan salah satunya secara total.

## 6.0 Kesimpulan

Secara tuntasnya, dapatlah difahami bahawa teori Hifz al-Nafs itu adalah sangat berkait rapat dengan menjaga diri manusia itu daripada masalah-masalah yang membawa kepada kesan psikologi dan masalah sosial. Hal ini bererti, menjaga kesihatan mental juga adalah termasuk dalam teori Hifz al-Nafs walaupun pada asalnya ia terkait dengan Hifz al-'Aqal, namun sekiranya ia tidak dijaga dengan baik, maka ia akan memberikan kesan yang buruk kepada diri manusia itu. Oleh yang demikian, keputusan Fatwa Kebangsaan terhadap penamaan nasab ATST bagi menggantikan nama ibu dengan nama Abdullah demi untuk mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial adalah selari dengan teori Hifz al-Nafs. Hal ini disahkan oleh sampel kajian yang terdiri daripada pakar agama iaitu Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa, teori Hifz al-

Nafs dalam fatwa penamaan nasab ATST itu tidak boleh hanya dilihat pada isu penamaan anak itu sahaja, bahkan diri dan sosial masyarakat itu juga perlulah dijaga agar kelahiran ATST itu tidak berleluasa saban hari. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar kajian terhadap kesan psikologi dan masalah sosial terhadap penamaan nasab ATST diperluaskan agar pendekatan teori Hifz al-Nafs itu sentiasa seiring dengan matlamat Fatwa Kebangsaan.

## 7.0 Rujukan

- A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara. (2017). *Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia*. Retrieved from:
- Abd Ghani, A. & Nuarrual Hilal, M. D. (2017). *Pusat Jagaan Anak Luar Nikah di Malaysia: Realiti, Isu dan Prospek*. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Abdul Majid. & Al-Najjar. (2014). *Ab'ad Jadidat li Maqasid al-Syari'at*. Majallat al-Azhar.
- Abu Dardaa, M., Salasiah Hanin, H., Ahmad Irdha, M. & Mohamad Zulkifli, A. G. (2017). *Tazkiyat al-Nafs dalam Kerangka Maqasid Syari'at*. Jurnal al-Hikmah. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Abu Rayya. (2012). *Towards A Systematic Quranic Theory of Personality*. n.d. Mental Health, Religion & Culture.
- Al-Ghazali. A. H. (2000). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Dar al-Taqwa li al-Turath, Kaherah.
- Al-Juwayni, A. M. (2003). *Mughith al-Khalq fi Tarjih al-Qawl al-Haq*. n.d. Al-Matba'at al-'Asyriat, Beirut.
- Annisa Najiyah. (2017). *Hak Waris Bagi Anak Zina*. Universitas Muhammadiyah Surakarta. Semarang Jawa Tengah, Indonesia.
- Babbie, E. (2002). *The Practice of Social Research*. 12<sup>th</sup> ed. Belmont California, Wadsworth.
- Hans Wehr. (1980). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. n.d. Library Du Liban, Beirut. [http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01\(A\)-365-09-2016.pdf](http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01(A)-365-09-2016.pdf)
- Ibnu Manzur, A. A. (2012). *Lisan 'Arabi*. n.d. Dar al-Tawfiq li al-Turath, Kairo.
- Kamus Dewan Bahasa*. (2012). 4<sup>th</sup> ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Adam, A. A., Khadher, A., Mohd Khairul Nazrin, M. N. & Ishak, S. (2020). *Dinamika Tafsiran Teks Hadis al-Walad li al-Firasy wa li al-'Ahir al-Hajar dan Implikasinya Terhadap Fatwa Penasaban Anak Tak Sah Taraf di Malaysia*. International Refereed Academic Journal in Hadis Studies. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muhammad Aunurrochim, M., Mohamad Zakwan Nafis, M. Z. (2018). *Status Anak Luar Nikah: Satu Kajian ke atas Hak Harta Pusaka mengikut Fiqh Islam dan Undang-Undang Syarak Wilayah Persekutuan*. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Muslim, M. S. (2016). *Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi*. Wahana. Vol. 1 No. 10. Universitas Pakuan, Indonesia.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). *Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.

- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2012). *Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2010*. Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Zanariah, N. (2018). *Status dan Hak Anak Tak Sah Islam dalam Undang-Undang di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Zulkifli al-Bakri. (2003). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).